

**Bahan komunis OK jika tiada kaitan dengan Bersih, kata Hishammuddin**  
**The Malaysian Insider**  
**Oleh Yow Hong Chieh**  
**July 04, 2011**

KAJANG, 4 Julai — Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata kesemua bahan berkaitan komunisme dan bekas pemimpin komunis akan melalui proses pemeriksaan biasa selagi ia tiada kaitan dengan Himpunan Bersih 2.0.

Menteri Dalam Negeri berkata buku-buku dan terbitan lain yang mempromosikan "ideologi subversif" akan diberi pertimbangan sewajarnya jika tidak menghasut orang ramai agar menyertai perhimpunan anjuran Bersih 2.0.



"Kandungan berbaur hasutan yang boleh menyebabkan kemarahan dan membangkitkan emosi menjelang 9 Julai, yang menjadi fokus polis," kata Hishammuddin kepada pemberita di sini hari ini.

"Ada elemen pihak ketiga, beberapa ideologi, yang mahu menghasut orang ramai dan menggalakkan orang ramai berhimpun. Ini yang menyebabkan kami melihat pada aspek ini... dengan cepat," katanya.

Copyright © 2011 The Malaysian Insider.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bahan-komunis-ok-jika-tiada-kaitan-dengan-bersih-kata-hishammuddin/>